

HUBUNGAN KESUNYIAN DENGAN KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA SEMASA PANDEMIK COVID-19

Atini Alias

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Siti Haziqah Shaban

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Siti Marhamah Kamarul Arifain

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Aimi Khairunnisa Abdul Karim

Pusat Asasi dan Pengajian Umum,
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: sitimarhamah@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Ketagihan internet telah mendapat perhatian ramai pengkaji. Kesunyian selalunya dikaitkan dengan masalah kesihatan mental yang mempunyai hubungan dengan ketagihan internet. Individu yang mengalami perubahan sosial yang drastik dan mempunyai mood negatif dikaitkan dengan kesunyian. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kesunyian dengan ketagihan internet dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Responden terdiri daripada pelbagai fakulti dan bidang pengajian di Kolej Universiti Islam Melaka. Seramai 169 orang pelajar yang terlibat iaitu 33 orang pelajar lelaki dan 133 orang pelajar perempuan yang berumur antara 19 tahun hingga 22 tahun. Reka bentuk kajian adalah secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan soal selidik Skala Kesunyian (*UCLA Loneliness Scale*) dan Ujian Ketagihan Internet (*Internet Addiction Test*). Data diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kesunyian dengan ketagihan internet ($r = 0.334, p < .05$). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesunyian mengikut tempat tinggal ($t = 0.246, p > .05$) dan ketagihan internet mengikut tempat tinggal ($t = 0.326, p > .05$). Kesimpulannya, beberapa pihak perlulah berganding bahu untuk membantu mengurangkan masalah ini

demi membentuk pelajar yang sihat dan seimbang dari segi mental, fizikal, sosial dan rohani.

Kata Kunci: Kesunyian, Ketagihan Internet, Pelajar

THE RELATIONSHIP BETWEEN LONELINESS AND INTERNET ADDICTION AMONG STUDENTS OF KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA DURING COVID-19 PANDEMIC

ABSTRACT

Internet addiction has caught the attention of many researchers. Loneliness is often associated with mental health problems that are related to internet addiction. Individuals who experience drastic social changes and have negative moods are associated with loneliness. This study aims to identify the relationship between loneliness and internet addiction among students of Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) during COVID-19 pandemic. The sample of the study consists of various faculties and programs in KUIM. A total of 169 students were involved, namely 33 male students and 133 female students aged between 19 to 22 years. The study design was quantitative by using a survey method. This study used the Loneliness Scale (UCLA) and Internet Addiction Test. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The result showed that there was a significant relationship between loneliness and internet addiction ($r = 0.334, p < .05$). The findings also showed that there was no significant difference of loneliness by place of residence ($t = 0.246, p > .05$) and internet addiction by place of residence ($t = 0.326, p > .05$). In conclusion, several parties need to work together to help reduce this problem in order to form healthy and balanced students in terms of mental, physical, social and spiritual.

Keyword: Loneliness, Internet Addiction, Student

PENGENALAN

Ketagihan internet bukanlah merupakan satu isu yang baharu malah sudah hangat dibahaskan (Tom et al., 2018; Nahar et al., 2017; Das et al., 2014; Hassan & Rashid, 2012). Pada tahun 2019, seluruh negara dilanda penularan wabak coronavirus (COVID-19) dan menyebabkan berlakunya perubahan sosial secara drastik. Menurut McMichael (2012), perubahan sosial secara mendadak mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap masyarakat dalam jangka masa panjang. Kini, Malaysia telah melalui pelbagai perubahan antaranya dari segi komunikasi sosial, kecanggihan penggunaan komputer dan teknologi moden (Razali et al., 2020). Justeru, sepanjang melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan di Malaysia sejak Mac 2020 lalu, kepelbagaian

fungsi gajet memberi kemudahan yang besar kepada manusia (Jalil, Bakar & Hassan, 2020). Menurut Tom et al. (2018), penggunaan internet yang tinggi adalah disebabkan oleh kepelbagaian kemudahan pada internet di beberapa buah negara Asia termasuk Malaysia. Pengguna telefon pintar untuk melayari internet adalah sebanyak 54%, manakala sebanyak 20% gemar melayari internet menggunakan tablet. Kebanyakan golongan individu yang berumur 8 tahun ke atas adalah pengguna internet yang aktif (Tom et al., 2018).

Statistik yang dikeluarkan oleh Laman Sesawang Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020), mendapati sebanyak 88.7% pengguna internet pada tahun 2020 dan peratusan ini meningkat daripada 87.4% kepada 1.3% lagi dalam tahun 2018. Dari segi peratusan umur yang tertinggi dalam melayari internet adalah individu berumur 20-24 tahun berbanding lain-lain umur. Ia selari dengan kajian Douglas et al. (2011) menunjukkan kebanyakan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berisiko untuk berhadapan dengan ketagihan internet. Justeru, peratusan tertinggi dalam tempat melayari internet adalah di rumah iaitu sebanyak 70.5% berbanding di pejabat, pusat institusi dan lain-lain tempat. Berdasarkan faktor lokaliti pula menunjukkan terdapat perbezaan ketagihan internet pelajar di bandar dan di luar bandar kerana kawasan bandar mempunyai kemudahan akses capaian yang baik dan peningkatan serta perkembangan teknologi berlaku pada kadar yang lebih pantas berbanding kawasan luar bandar (Ying et al., 2020; Sowndarya & Pattar, 2018 & Prakash et al., 2020). Namun, ada juga kajian terkini yang mendapati tidak terdapat perbezaan ketagihan internet terhadap lokaliti pelajar disebabkan telah berlakunya perkembangan teknologi secara pesat (Moghe et al., 2021 & Prakash et al., 2020). Ini adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menyebabkan rata-rata rakyat bekerja dan belajar dari rumah dan seharusnya pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk meluaskan lagi capaian internet sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Ia selari dengan kempen slogan "satu rumah, satu komputer" yang dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia sebagai inisiatif untuk membantu pembelajaran anak-anak di rumah.

Kebanyakan pelajar IPT menggunakan internet untuk mencari bahan pembelajaran dan rujukan. Namun, kebanyakan mereka menyalahgunakan internet ini dengan mengakses laman web berunsurkan hiburan, menonton drama atas talian, permainan atas talian dan pornografi (Tom et al., 2018). Ketagihan internet ini memberikan impak yang buruk dalam diri pelajar, keluarga dan sosial (Young, 2004). Ketagihan internet ini mampu mengganggu tumpuan pelajar sewaktu perkuliahan dijalankan dan mereka sukar untuk memahami pelajaran serta mengambil mudah tugas yang diberikan (Soh, Koay & Lim, 2018). Tambahan, ketagihan ini membawa kepada penurunan kadar penglihatan, masalah insomnia dan membawa kepada kematian (Dora et al., 2017 & Widea, 2015).

Kesunyian merupakan pengalaman individu yang tidak menyenangkan sehingga menyebabkan pengurangan dalam hubungan sosial (Tilburg & Dykstra, 2006). Walaupun kajian berkaitan dengan kesunyian sering dikaitkan dengan perkembangan di peringkat dewasa akhir dan warga tua. Namun, menurut Luhmann dan Hawkey (2016), kesunyian tidak hanya tertumpu kepada warga

tua namun boleh berlaku di setiap peringkat umur terutamanya remaja akhir sehingga warga tua. Menurut Bonetti et al. (2010), kesunyian muncul seawal umur remaja dari fenomena yang tidak pasti. Pada umur remaja, hubungan sosial semakin berkembang luar daripada unit keluarga iaitu diterima oleh rakan sebaya, yang merupakan elemen penting dalam perkembangan identiti remaja (Santrock, 2008). Kesunyian semakin meningkat seiring dengan peningkatan usia (Victor & Yang, 2012). Menurut Morahan-Martin dan Schumacher (2003), pertambahan masa yang lebih dalam penggunaan internet dikaitkan dengan kesunyian. Ini disebabkan oleh penggunaan internet terlalu lama menjadikan individu terasing dari dunia nyata dan menjarakkan hubungan sesama manusia.

Walau bagaimanapun, kesunyian sering dikaitkan dengan kemurungan, kebimbangan sosial dan tingkah laku antisosial (Ming, 2013). Kebimbangan sosial adalah kecelaruan yang berlaku dalam diri sehingga menyebabkan individu berasa malu dan rendah diri apabila berhadapan dengan orang lain (Ming, 2013). Malah, mereka yang berasa takut akan kegagalan dalam penilaian sosial. Menurut Mohd Sawi (2013), kebanyakan pelajar mengalami peralihan zaman dari alam persekolahan ke alam universiti yang meliputi banyak perubahan dan cabaran terutamanya cara pembelajaran. Ia semakin mencabar apabila kini seluruh negara dilanda wabak COVID-19, kebanyakan pelajar perlu belajar secara atas talian sehingga menyebabkan masalah tekanan dan kebimbangan melampau. Ia disokong oleh Ismail et.al. (2016) yang mendapati kaedah pembelajaran secara atas talian banyak mempengaruhi pencapaian dan prestasi pelajar kerana mereka perlu berusaha keras sehingga menyebabkan tekanan kepada para pelajar. Pelajar yang tidak mampu untuk beradaptasi dengan pembelajaran secara atas talian menyebabkan ramai rakan-rakan mengelakkan diri dan tidak mahu melakukan tugas bersama. Ia disokong oleh Fadzil (2019) menyatakan tiada bimbingan dari rakan-rakan menyebabkan masalah tekanan dan kesunyian dalam kalangan pelajar di IPT. Justeru, ia boleh menyebabkan semangat pelajar untuk menuntut ilmu semakin rendah (Fadzil, 2019). Kebanyakan pelajar berasa sunyi dan tertekan apabila berhadapan dengan sesuatu perkara baharu seperti cara pembelajaran baharu, persekitaran baharu dan ketiadaan sistem sokongan. Dewa (2007) menyatakan kronik tekanan kerja mahupun belajar boleh mempengaruhi masalah kesihatan mental individu. Sebelum wabak COVID-19 melanda dunia, kebanyakan pelajar IPT banyak menghabiskan masa bersosial di luar rumah. Fadzil (2019), mendapati peratusan paling tinggi sewaktu wabak COVID-19 adalah kurang meluangkan masa bersama rakan-rakan ke tempat awam. Justeru, penjarakan sosial mampu meminimalkan hubungan sosial dengan masyarakat sehingga menyebabkan kesunyian (Shanmugam et al., 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji hubungan antara ketagihan internet dan kesunyian dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) semasa pandemik COVID-19.

- ii. Mengkaji perbezaan antara ketagihan internet berdasarkan kediaman tempat tinggal dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) semasa pandemik COVID-19.
- iii. Mengkaji perbezaan antara kesunyian berdasarkan kediaman tempat tinggal dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) semasa pandemik COVID-19.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah tinjauan bagi mengukur pembolehubah yang diuji. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk dijawab bagi melihat hubungan kesunyian dan ketagihan internet dalam kalangan pelajar di KUIM.

Sampel Kajian

Penentuan saiz sampel yang disarankan oleh Hair et al. (2010) adalah dengan menggunakan nisbah 5:1 yang bermaksud lima pemerhatian atau sampel diperlukan bagi setiap pembolehubah bebas. Bagi setiap pembolehubah perlu dipertingkatkan kepada 15 hingga 20 sampel bagi setiap pembolehubah bebas (Hair et al., 2010). Kajian ini mempunyai dua pembolehubah iaitu ketagihan internet dan kesunyian menjadikan jumlah saiz sampel yang bersesuaian dalam kajian ini adalah $2 \times 20 = 40$ sampel. Justeru, kajian ini telah melibatkan seramai 169 orang responden yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan bidang pengajian di Kolej Universiti Islam Melaka.

Instrumen

Kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A: Demografi responden merangkumi jantina, fakulti pengajian, tahun pengajian, peringkat pengajian, kategori kediaman (tempat tinggal), status perkahwinan, umur dan jumlah pendapatan ibu dan ayah. Bahagian B adalah Skala kesunyian (*UCLA Loneliness Scale*) dan Bahagian C pula adalah Ujian Ketagihan Internet (*Internet Addiction Test*).

Bahagian B ialah tentang Skala kesunyian UCLA digunakan bagi meninjau pengalaman sunyi individu dan pengalaman ini merujuk kepada kesunyian emosi dan kesunyian sosial. Soal selidik ini telah diperkenalkan oleh Russel, Peplau dan Culrona (1980). Skor-skor adalah berdasarkan 20 item dengan 4 poin Skala Likert yang julatnya adalah di antara 'tidak pernah', 'jarang-jarang', 'kadang-kadang' hingga 'selalu'. Ianya terdiri daripada 10 item positif dan 10 item negatif.

Bahagian C pula ialah set soal selidik Ujian Ketagihan Internet (*Internet Addiction Test*) yang dibangunkan oleh Dr. Kimberly Young, iaitu seorang psikologi klinikal pada tahun 1998 di USA. Ujian IAT mengandungi 20 item

iaitu menggunakan 5 poin Skala Likert, yang menunjukkan tahap di mana penggunaan internet menjejaskan aspek kehidupan pengguna. Julat skor adalah bermula daripada 20 hingga 100.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan Deskriptif

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Demografi Jantina

Jantina	N	Peratus (%)
Lelaki	36	21.3
Perempuan	133	78.7
Jumlah	169	100

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Berdasarkan analisis yang dilakukan, secara majoritinya adalah responden perempuan iaitu seramai 133 orang atau 78.7% manakala responden lelaki yang terlibat ialah 36 orang atau 21.3%.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	N	Peratus (%)
Tahun 1	28	16.6
Tahun 2	58	34.3
Tahun 3	65	38.5
Tahun 4	18	10.7
Jumlah	15	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan tahun pengajian pelajar. Dapatan menunjukkan seramai 28 orang atau 16.6% adalah pelajar tahun 1, seramai 58 orang bagi pelajar tahun 2 atau 34.4%, 65 pelajar tahun 3 atau 38.5% dan 18 pelajar tahun 4 atau 10.7%.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	N	Peratus (%)
Asasi/Diploma	105	62.1
Ijazah Sarjana Muda	64	37.9
Jumlah	169	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan peringkat pengajian pelajar. Dapatan menunjukkan seramai 105 orang atau 62.1% adalah pelajar asasi/diploma dan seramai 64 orang bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda atau 37.9%.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Kategori Kediaman

Kategori Kediaman	N	Peratus (%)
Bandar	100	59.2
Luar Bandar	69	40.8
Jumlah	169	100

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan kategori kediaman. Dapatan menunjukkan seramai 100 orang atau 59.2% adalah yang tinggal di bandar manakala 69 orang pelajar atau 40.8% tinggal di luar bandar.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Status Perkahwinan	N	Peratus (%)
Bujang	164	96.4
Kahwin	5	3.0
Lain-lain	1	0.6
Jumlah	169	100

Jadual 5 menunjukkan taburan responden berdasarkan status perkahwinan. Dapatan menunjukkan seramai 164 orang atau 96.4% adalah bujang manakala 5 orang pelajar atau 3.0% telah berkahwin dan 1 orang atau 0.6% adalah lain-lain.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Status Umur

Umur	N	Peratus (%)
19-21 Tahun	106	62.7
22-24 Tahun	50	29.6
25 Tahun Ke Atas	13	17.7
Jumlah	169	100

Jadual 6 menunjukkan taburan responden berdasarkan status Umur. Dapatan menunjukkan seramai 106 orang atau 62.7% lingkungan umur 19-21 Tahun, manakala 50 orang pelajar atau 29.6% berumur 22-24 Tahun dan 13 orang atau 17.6% adalah berumur 25 Tahun ke atas.

Keputusan Inferensi

Jadual 9: Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Kesunyian Dan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Di KUIM.

Pemboleh Ubah	Ketagihan Internet
Kesunyian	.334**

$k < .05$

Jadual 9 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara kesunyian dan ketagihan internet dalam kalangan pelajar di KUIM. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai r adalah .334** dan nilai kebarangkalian adalah .000.

Maka nilai yang terhasil menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesunyian dan ketagihan internet dalam kalangan pelajar di KUIM, ($r = .334$, $k < .05$). Oleh yang demikian, hipotesis ini diterima.

Hasil dapatan ini sejajar dengan Morahan-Martin dan Schumacher (2003), menyatakan kesunyian dalam kalangan pelajar seringkali dikaitkan dengan peningkatan masa yang lebih dalam penggunaan internet dan ianya sepadan juga dengan kajian yang dilakukan oleh Sarifpoor et al. (2017) terhadap 150 pelajar perempuan di bandar Torbat-e-Jaam Iran yang juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara kesunyian dan kemurungan dengan ketagihan internet. Kesunyian dan kemurungan juga mampu menjelaskan faktor berlakunya ketagihan internet pada pelajar.

Dalam keadaan ini, pelajar mengelakkan hubungan sosial dan interpersonal dan dengan itu mereka menggunakan internet dan ruang siber sebagai alternatif untuk mengisi kesunyian. Mereka berasa lebih baik apabila melayari internet sehingga tanpa disedari secara beransur-ansur menjadi ketagih. Ia juga disokong oleh kajian Alheneidi et.al. (2021), turut mendapati terdapat pengaruh antara kesunyian dan ketagihan internet berdasarkan kepada jangka masa yang diluahkan secara atas talian adalah lebih lama berbanding dengan masa bersosialisasi dengan individu lain semasa perintah berkurung di rumah. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Fernandes et.al. (2020) bagi responden yang mempunyai skor tinggi dalam ketagihan permainan, penggunaan internet kompulsif dan penggunaan media sosial juga didapati mempunyai skor yang tinggi terhadap kemurungan, kesunyian dan pengelakan diri yang berkaitan dengan wabak. Kajian menunjukkan bahawa wabak COVID-19 telah memberi kesan yang sangat besar terhadap penggunaan internet dan kesejahteraan psikososial remaja tanpa mengira tempat tinggal.

Namun, hasil dapatan ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Hasmuajaj (2016) terhadap 151 orang pelajar Albanian di University Shkodra yang mendapati bahawa terdapat pelajar yang mempunyai ketagihan internet mempunyai kadar kesunyian yang jauh lebih rendah. Kajian ini menunjukkan ada korelasi negatif antara kesunyian dan ketagihan internet. Ia juga sejajar dengan Hardie dan Ming (2007) mendapati seramai 96 orang dewasa yang mempunyai ketagihan internet menunjukkan mereka lebih mengalami kesunyian dari segi emosi namun tidak kesunyian dari segi sosial.

Menurut Couberghe et.al. (2021), remaja yang berasa kesepian lebih cenderung menggunakan media sosial untuk mengatasi kekurangan hubungan sosial. Namun, strategi daya tindak ini tidak banyak berkaitan dengan perasaan bahagia remaja. Lelucon secara positif berhubungan dengan perasaan bahagia, tetapi tidak dipengaruhi oleh kesepian atau kegelisahan. Ini menunjukkan media sosial dapat digunakan sebagai strategi daya tindak untuk remaja menangani perasaan cemas semasa dikuarantin akibat COVID-19 (Couberghe et al., 2021).

Jadual 10: Keputusan Ujian t Bagi Faktor Kesunyian Dalam Kalangan Pelajar Di KUIM berdasarkan Kediaman Tempat Tinggal

Kediaman Tempat Tinggal	N	Min	Sisihan Piawai	t	dk	k
Bandar	100	52.62	6.715	.246	167	.806
Luar Bandar	69	52.36	6.662			

$k > .05$

Jadual 10 menunjukkan nilai min bagi kediaman bandar adalah 52.62 manakala min kediaman luar bandar adalah 52.36. Ini menunjukkan nilai min bagi kediaman bandar dan luar bandar tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Seterusnya, nilai t adalah .246 dan nilai kebarangkalian adalah .806. Nilai kebarangkalian didapati lebih besar daripada aras keyakinan ($k > .05$). Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor kesunyian berdasarkan kediaman tempat tinggal [$t(167) = .247, k > .05$]. Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

Hasil kajian ini sejajar dengan kajian oleh Rani dan Kumar (2016) yang menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam kesepian yang dirasakan oleh remaja bandar dan luar bandar. Mereka tidak menemui perbezaan yang ketara dari segi kawasan bandar dan luar bandar tetapi kedua-duanya mempunyai kesunyian. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Matthews et.al. (2019) mendapati rata-rata skor kesunyian tidak berbeza secara signifikan antara individu yang tinggal di bandar, pertengahan, dan kejiranan luar bandar. Fernandes et.al. (2020) juga mendapati bahawa wabak COVID-19 ini telah memberi kesan yang besar terhadap penggunaan internet dan kesejahteraan psikologi remaja tanpa mengira tempat tinggal sama ada di bandar atau luar bandar.

Sebaliknya, laporan diri mengenai keadaan sosial kejiranan secara signifikan dikaitkan dengan kesunyian. Menurut Menec et.al. (2019) mengatakan bagi kesunyian, fokusnya mungkin kurang kepada tempat tinggal individu, melainkan pada ciri-ciri peribadi yang membahayakan individu berkenaan. Selain daripada faktor kesunyian terhadap lokaliti, pengkaji Varga et.al. (2020) mendapati terdapat beberapa faktor sosial sebagai faktor ketahanan yang melindungi diri dari kesunyian, termasuk tinggal bersama orang lain, tinggal di lokasi luar bandar, mempunyai tiga atau lebih teman rapat, dan mendapat sokongan sosial yang tinggi semasa perintah berkurung sepanjang wabak COVID-19. Penemuan ini sesuai dengan penyelidikan sebelumnya yang menunjukkan hubungan antara ukuran rangkaian sosial dan sokongan sosial serta risiko kesunyian yang lebih rendah.

Manakala hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan yang diperolehi oleh Shukla dan Kang (2017) terhadap 300 remaja di daerah Ludhiana menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dari segi lokaliti. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa remaja luar bandar mengalami kesunyian lebih banyak berbanding dengan remaja bandar. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Abshire et al. (2020) di Amerika Syarikat menunjukkan rata-rata skor kesunyian tidak disesuaikan lebih rendah di pinggir bandar berbanding dengan

kawasan luar bandar. Kehidupan pinggir bandar dikaitkan dengan peluang yang lebih rendah untuk kesunyian berbanding dengan kehidupan bandar tetapi boleh juga wujudnya perbezaan kesunyian di bandar dan di luar bandar juga adalah bergantung pada tahap kualiti hidup sesebuah masyarakat. Kemungkinan latar belakang budaya juga sebenarnya mempengaruhi pengalaman kesunyian (Le Roux, 2009).

Sebaliknya, kajian Steptoe dan Fancourt (2020), mendapati faktor risiko kesunyian hampir sama sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Golongan dewasa awal, wanita, individu yang berpendidikan atau berpendapatan rendah, tidak aktif secara ekonomi, tinggal bersendirian dan tinggal di bandar mempunyai risiko lebih tinggi terhadap kesunyian. Pengkaji juga mendapati, individu yang berisiko berasa kesunyian selalunya dalam kalangan dewasa awal yang berumur antara 18 tahun hingga 30 tahun dan tinggal bersendirian akan mengalami peningkatan dalam risiko kesunyian semasa pandemik COVID-19 berbanding sebelum penularan wabak. Tambahan, para pelajar juga terdedah dengan faktor berisiko terhadap kesunyian semasa perintah berkurung dilaksanakan.

Jadual 11: Keputusan Ujian t Bagi Faktor Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Di KUIM berdasarkan Kediaman Tempat Tinggal

Kediaman Tempat Tinggal	N	Min	Sisihan Piawai	t	dk	k
Bandar	100	32.75	12.788	-.326	167	.745
Luar Bandar	69	33.41	12.922			

$k > .05$

Jadual 11 menunjukkan nilai min bagi kediaman bandar adalah 32.75 manakala min kediaman luar bandar adalah 33.41. Ini menunjukkan nilai min bagi kediaman bandar dan luar bandar tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Seterusnya, nilai t adalah $-.326$ dan nilai kebarangkalian adalah $.745$. Nilai kebarangkalian didapati lebih besar daripada aras keyakinan ($k > .05$). Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor ketagihan internet berdasarkan kediaman tempat tinggal [$t(167) = -.326, k > .05$]. Oleh itu, hipotesis ini ditolak.

Hasil dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hamza et al. (2019) yang menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi skor ujian ketagihan internet di kawasan bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan dengan penggunaan internet dan kaitannya dengan kemurungan, kegelisahan dan tekanan. Begitu juga dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Rohani dan Saeedeh (2012) yang menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan di bandar dan luar bandar, tetapi terdapat hubungan negatif yang signifikan antara ketagihan internet dan motivasi akademik dalam kalangan pelajar bandar dan luar bandar. Tambahan pula kajian oleh Wei Shang et al. (2010) mendapati pengguna bandar dan luar bandar mempunyai tingkah laku

serupa pada umumnya dan ketagihan internet didapati tidak serius seperti yang dilaporkan. Menurut Moghe et.al. (2021), penggunaan internet bagi pelajar di bandar dan luar bandar adalah hampir sama. Ini menunjukkan kemudahan dalam talian semakin berkembang walaupun di kawasan luar bandar di negara India. Hasil kajian juga mendapati bahawa pelajar dari luar bandar (Min= 4.01, SD= 1.16) banyak menghabiskan masa di media sosial berbanding dengan pelajar di bandar (M=3.68, SD= 1.25).

Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Sowndarya dan Pattar (2018) terhadap 300 pelajar yang menunjukkan kelaziman ketagihan internet di kalangan pelajar sekolah bandar adalah sebanyak 83.3% manakala 78 % pada pelajar luar bandar. Kumpulan ketagihan internet yang teruk lebih banyak berlaku di kalangan pelajar bandar berbanding di luar bandar. Begitu juga, ianya bertentangan dengan dapatan kajian oleh Ying et al. (2020) yang telah menyesuaikan semua pembolehubah lain, hasil dari analisis regresi logistik pelbagai mendedahkan bahawa remaja bandar lebih cenderung mengembangkan ketagihan internet daripada remaja luar bandar. Selain itu, kajian oleh Prakash, Yadav dan Singh (2020) mendapati bahawa prevalen ketagihan internet boleh meningkat sekiranya terdapat situasi tertekan terutama di negara yang berhadapan dengan krisis antarabangsa seperti perintah berkurung kerana COVID-19. Hasil kajian ini mendapati ketagihan internet didapati tinggi dalam kalangan responden berasal dari kawasan bandar berbanding di luar bandar. Ini kerana kawasan bandar mempunyai kemudahan akses capaian yang baik dan peningkatan serta perkembangan teknologi berlaku pada kadar yang lebih pantas daripada kawasan luar bandar. Ketagihan internet boleh dilihat apabila pelajar lebih cenderung untuk terlibat dalam permainan atas talian, hiburan, *blog*, *Instagram* dan *Facebook* dengan masa yang lama.

KESIMPULAN

Ketagihan internet dalam kalangan pelajar sebenarnya memberi kesan kepada pelajar itu sendiri dan sekeliling. Melalui kajian ini dapat disimpulkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesunyian dengan ketagihan internet. Ini menunjukkan bahawa faktor kesunyian adalah salah satu penyebab kepada pelajar mengalami ketagihan internet terutama di dalam era pandemik COVID-19. Merujuk kepada dapatan perbezaan tempat tinggal menunjukkan bahawa pelajar yang berada di bandar dan luar bandar tiada perbezaan dari segi ketagihan internet dan kesunyian. Ini menunjukkan bahawa di mana-mana sahaja mereka berada tidak mempengaruhi kesunyian dan ketagihan internet mereka.

Oleh itu, semua pihak terutama ibu bapa perlu menangani isu ini. Di dalam era pandemik COVID-19, kebanyakan anak-anak berada di rumah untuk menghadiri kuliah dan ibu bapa perlu lebih peka dengan keadaan anak-anak terutama pelajar supaya permasalahan lain tidak timbul. Dengan adanya kajian ini, pihak sekolah atau universiti juga boleh memainkan peranan dalam membanteras ketagihan internet dalam kalangan pelajar. Pihak kaunselor boleh menjalankan beberapa program secara atas talian iaitu dengan menyediakan kumpulan kecil atau kaunseling individu kepada pelajar yang mempunyai

masalah ketagihan internet dan kesunyian ini. Walau bagaimanapun, dicadangkan kajian akan datang diteruskan dan menambah baik kajian dengan faktor-faktor penyebab ketagihan internet yang lain.

RUJUKAN

- Abshire, D. A., Graves, J. M., DDes, S. A. & Williams-Gilbert, W. (2020). Differences in Loneliness Across The Rural-Urban Continuum Among Adults Living in Washington State. *The Journal Rural Health*. <https://doi.org/10.1111/jrh.12535>.
- Alheneidi, H., AlSumait, L., AlSumait, D., & Smith, A.P. (2021). Loneliness and Problematic Internet Use during COVID-19 Lock-Down. *Behavioral Sciences*, 11 (5): 1-11.
- Bonetti, L., Campbell, M.A., & Gilmore, L. (2010). The Relationship of Loneliness and Social Anxiety with Children's and Adolescent's Online Communication. *Cyberpsychology, Behaviour and Social Networking*, 13(3): 279-285.
- Cauberghe, V., Wesenbeeck, I.V., De Jans, S., Hudders, L., & Ponnet, K. (2021). How Adolescents Use Social Media to Cope with Feelings of Loneliness and Anxiety During COVID-19 Lockdown. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 24(4): 250-257.
- Das, R., Bahari, F.B., & Ibrahim, H. (2014). Penggunaan Internet Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Subjektif Dalam Kalangan Remaja: Perbandingan Peranan Tanggungjawab Jenis-Jenis Gaya Keibubapaan. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga. 11 Disember 2014.
- Dewa, C. S. (2007). Mental Illness and the Workplace: A National Concern. *The Canadian Journal of Psychiatric*, 52(6): 337-338.
- Dora, M.T., Sidek, S., Hassan, M.A., Mohamed, S., Kudus, N., Mustaffa, F., & Mokhtar, M.Y.O. (2017). Internet Addiction among Urban Youth in Melaka. *Journal of Information Technology*, 16(1): 14-18.
- Douglas A. G., Choo, H., Liau, A., Sim, T., Li, D., Daniel Fung, M.D & Khoo, A. (2011). Pathological Video Game Use Among Youth: A Two- Year Longitudinal Study. *American Academy of Pediatrics*, 127(2): 319-328.
- Fadzil, F. (2019). Kesan-kesan Wabak Covid-19 terhadap Kehidupan Sehari-hari Pelajar-pelajar Universiti. [file:///C:/Users/User/Downloads/FinalReport%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/FinalReport%20(1).pdf). [13 Jun 2021].
- Fernandes, B., Biswas, U.N., Tan-Mansukhani, R. Vallejo, A., & Essau, C.A. (2020). The Impact of COVID-19 Lockdown on Internet Use and Escapism in Adolescents. *Revista de Psicología Clínica con Niños y Adolescentes*. 7(1): 59-65. doi: 10.21134/rpcna.2020.mon.2056.
- Hamza, A., Sharma, M. K., Anand, N., Marimuthu, P., Thamilselvan, P., Thakur, P. C., Suma, N., Baglari, H. & Singh, P. (2019). Urban and Rural Pattern of Internet Use Among Youth and Its Association With Mood State. *Journal of Family Medicine Care*, 8(8): 2602-2606.

- Hardie, E., & Ming, Y.T. (2007). Excessive Internet Use: The Role of Personality, Loneliness and Social Support Network in Internet Addiction. *Australian Journal of Emerging Technologies and Society*, 5(1): 1-10.
- Hasmujaj, E. (2016). Internet Addiction and Loneliness Among Students of University of Shkodra. *European Scientific Journal*, 12(29): 397. <https://doi.org/10.19044/esj.2016.v12n29p397>.
- Hassan, J., & Rashid, R.S.R.A. (2012). Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6(1), 23-43.
- Ismail, M. D., Md Zin, N. S., & Abdul Hamid, R. (2016). Pembelajaran-e, Tekanan dan Komitmen Belajar dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 55-64.
- Jalil, S.J.A., Bakar, N.A., & Hassan, J. (2020). Pengawalan Ibu Bapa Bekerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-kanak: Satu Kajian Kes. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 49-68.
- Laman sesawang rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2020). Kajian Penggunaan Internet. <https://www.mcmc.gov.my/ms/resources/statistics/internet-users-survey> [9 Jun 2021].
- Le Roux, A. (2009). The Relationship Between Adolescents Attitudes Toward Their Fathers and Loneliness. A Cross-cultural Study. *Journal Child Family Studies*, 18: 217-226.
- Luhmann, M., & Hawkey, L. (2016). Age Differences in Loneliness From Late Adolescent to Oldest Old Age. *Developmental Psychology*, 50(6): 943-959.
- Matthews, T., Odgers, C., Danese, A., Fisher, H., Newbury, J. B., Caspi, A., Moffitt, T. E., & Arseneault, L. (2019). Loneliness and neighbourhood characteristics: A multi-informant, nationally-representative study of young adults. *Psychological Science*, 30(5): 765-775. <https://doi.org/10.1177/0956797619836102>.
- McMichael, P. (2012). *Development and Social Change: Global Perspective. A Good Overview of Social Change From an Economic Perspective of Long-Term Historical Change From Development to Globalization*. Pine Forge, CA: Sage.
- Menec V. H., Newall, N. E., Mackenzie, C. S., Shooshtari, S. & Nowicki, S. (2019). Examining Individual and Geographic Factors Associated With Social Isolation and Loneliness Using Canadian Longitudinal Study on Aging (CLSA) data. *PLoS One*, 14(2): e0211143. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0211143>.
- Ming, A. (2013). How computer and Internet use influences mental health: a five-wave latent growth model. *Asian Journal of Communication* 23, 175-190.
- Mohd Sawi, S. N. A. (2013). Hubungan antara ketagihan internet dan kesunyian dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dan Kepujian (Psikologi). Universiti

- Kebangsaan Malaysia.
file:///C:/Users/User/Downloads/HUBUNGAN_DI_ANTARA_KESUNYI
AN_DENGANKETA.pdf [13 Jun 2021].
- Morahan-Martin, J., & Schumacher, P. (2003). Loneliness and Social Uses of the Internet. *Computers in Human Behavior*, 19: 659-671.
- Moughe, K., Kotecha, D., & Patil, M. (2021). COVID-19 and Mental Health: A Study of Its Impact on Students in Maharashtra, India. *The Preprint Server For Health Sciences*. 1-20. doi: <https://doi.org/10.1101/2020.08.05.20160499>
- Nahar, N., Sangi, S., Salvam, D.B, Rosli, N., & Abdullah, A.H. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1: 87-99.
- Prakash, S., Yadav, J.S. & Singh T.B (2020). An Online Cross-Sectional Study To Assess the Prevalence of Internet Addiction among People Staying at their Home during Lockdown due to COVID-19. *The International Journal of Indian Psychology*, 8(3): 424-432.
- Rani, S. & Kumar, R. (2016). Perceived Loneliness In Relation To Gender and Area of Adolescents. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 21(12): 57-62.
- Razali, A., Ani, F., & Tohar, S.N.A.M. (2020). *Mendepani Perubahan Sosial dalam Era Revolusi Industri 4.0*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rohani, F., & Saeedeh, T. (2012). A Study Of The Relationship Between The Rate Of Addiction To The Internet With Academic Motivation And Social Development Among High School Students In Mazandaran Province. *Journal of Information and Communication Technology in Educational Sciences Winter*, 2(6): 19-34. http://ictedu.iausari.ac.ir/article_631381.html.
- Santrock, J. W. (2008). *Essentials of Life-Span Development*. United States: McGraw-Hill International Edition.
- Shang, W., Li, G., Arogundade, O. & Jiang, X. (2010). Understanding Cybercafes Users Behavior in Mainland China: An Exploratory Study. Proceedings of IPID Postgraduate Strand at ICTD 2010, 1-4. <https://idlbnc-idrc.dspace.org/handle/10625/45559>.
- Shanmugam, H., Arif, J., Nair, P., Soon, K. C., & Chong, G. N. (2020). Impacts of Covid-19 Pandemic of Mental Health in Malaysia: A Single Thread of Hope. *MPJ Online Early*, 1-7.
- Sharifpoor, E, Khademi, M. J. & Mohammadzadeh, A. (2017). Relationship of Internet Addiction with Loneliness and Depression Among High School Students, *International Journal of Psychology and Behavioral Sciences*, 7(4): 99-102. <http://doi: 10.5923/j.ijpbs.20170704.01>.
- Sowndarya, T. A. & Pattar, M. (2018). Pattern of Internet Addiction Among Urban and Rural School Students, Mangaluru, India: A Comparative Cross-sectional Study. *International Journal of Contemporary Pediatrics*, 5(5): 1750-1754.

- Soh P.C.H, Koay K.Y. & Lim, V.K.G. (2018). Understanding cyberloafing by students through the lens of an extended theory of planned behaviour. *Peer-Reviewed Journal on Internet*,23(6):1-18.
- Shukla, P. & Kang, T. (2017). Perceived Loneliness Among Rural and Urban Adolescents: A Comparative Study. *Indian Journal of Positive Psychology*, 8(3): 386-388.
- Steptoe, F.B.A., & Fancourt, D. (2020). Who is Lonely in Lockdown? Cross-Cohort Analyses of Predictors of Loneliness before and during the COVID-19 Pandemic. *Public Health*, 186: 31-34.
- Tilburg, T. G. V., & Dykstra. (2006). Loneliness and Social Isolation. *The Cambridge Handbook of Personal Relationship*. UK: Cambridge University Press.
- Tom, A.K.C., & Tohalib, Z. (2018). Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018, 45, 420-428.
- Varga, T.V., Bu, F., Dissing, A.S., Elsenburg, L.K., Bustamante, J.J.H., Matta, J., Sander K.R. van Zon., Brouwer, S., Bultmann, U., Fancourt, D., Hoeyer, K., Goldberg, M., Melchior, M., Strandberg-Larsen, K., Zins, M., Clotworthy, A., H. Rod, N. (2020). Loneliness, Worries, Anxiety, and Precautionary Behaviours in Response to the COVID-19 Pandemic: A Longitudinal Analysis of 200,000 Western and Northern Europeans. *The Lancet Regional Health - Europe*, doi:https://doi.org/10.1016/j.lanpe.2020.100020.
- Victor, C. R., & Yang, K. (2012). The Prevalence of Loneliness Among Adults: A Case Study of the United Kingdom. *Journal of Psychology: Interdisciplinary and Applied*, 146(1-2): 85-104. doi:10.1080/00223980.2011.613875.
- Widea, E. (2015). Pengaruh Penggunaan Gadget Terhadap Penurunan Tajam Penglihatan Pada Anak Usia Sekolah (6-12 tahun) di SD Muhammadiyah 2 Pontianak Selatan. *Jurnal Proners*.<https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jmkeperawatanFK/article/view/10533/10151> [13 Jun 2021].
- Ying, C. Y., Awaluddin, S. M., Kuay, L. K., Man, C. S., Baharudin, A., Yn, L. M., Sahril, N., Omar, M. A., Ahmad, N. A. & Ibrahim, N. (2020). Association of Internet Addiction with Adolescents' Lifestyle: A National School-Based Survey. *International Journal of Environmental Research and Public Health*,18(1): 168. <http://10.3390/ijerph18010168>.
- Young, K. S. (2004). Internet Addiction: A New Clinical Phenomenon and Its Consequences. *American behavioral scientist*, 48(4), 402-415